

# PERBARISAN AJUTAN PANGKALAN, PANGKALAN UDARA KUALA LUMPUR

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4653-perbarisan-ajutan-pangkalan-pangkalan-udara-kuala-lumpur](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4653-perbarisan-ajutan-pangkalan-pangkalan-udara-kuala-lumpur)

KUALA LUMPUR, 12 Mac 19 - Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah melaksanakan Perbarisan Ajutan Pangkalan yang diadakan di Padang Kawad Pangkalan. Perbarisan tersebut telah dianggotai seramai 4 orang pegawai dan 145 orang anggota LLP.

Perbarisan dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh Ajutan Pangkalan dan seterusnya ucapan amanat-amanat dan arahan-arahan semasa. Dalam ucapan tersebut Ajutan pangkalan telah menegaskan berkenaan beberapa aspek dan garis panduan kepada semua warga pangkalan berkenaan penyalahgunaan dadah berbahaya, disiplin anggota, kebersihan dan SNCO Empowerment.

